

IKLAN : MDP.S/JPPB.02/2017

**TAWARAN MEMOHON PERMIT BERNIAGA SEMENTARA UNTUK BERNIAGA MAKANAN/MINUMAN DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH PEKAN SEMPENA BULAN RAMADHAN 2017 (1438H).**

Permohonan adalah **terbuka** dan diutamakan kepada peniaga – peniaga Pasar Tani Bandar Chini yang berminat untuk mendapatkan permit berniaga sementara di tapak yang dikhaskan dalam kawasan Majlis Daerah Pekan sempena bulan Ramadhan mulai 27 Mei, 2017 hingga 24 Jun, 2017. ( 1 Ramadhan hingga 29 Ramadhan 1438H )

2. Tapak berniaga yang disediakan adalah di **Bandar Chini**.
3. Majlis Daerah Pekan hanya menyediakan **lot kosong** sahaja **berkeluasan lebih kurang 10' x 10'**. Bekalan utiliti dan peralatan lain tidak disediakan.
4. Hanya satu kategori sahaja dibenarkan bagi setiap permohonan. Kategori jenis jualan yang dibenarkan adalah seperti berikut :-
  - a) Makanan / minuman
    - i. Kuih-muih / Lauk Pauk / Minuman Proses (**tiada dapur**)
    - ii. Masakan Panas / Murtabak / Ayam Goreng (**menggunakan dapur**)
    - iii. Ikan Bakar / Ayam Percik / Satay (**berasap**)
    - iv. Air Tebu / Kelapa (**mesin tebu / buah kelapa**)
  - b) Hasil Laut / Ayam / Daging
  - c) Buah – buahan
  - d) Sayur - sayuran
5. **Borang permohonan** boleh didapati secara **percuma** mulai 3 April, 2017 (Isnin) dilokasi – lokasi seperti berikut:-
  - a) Bahagian Pelesenan Majlis Daerah Pekan
  - b) Laman Sesawang Majlis Daerah Pekan – [www.mdpekan.gov.my](http://www.mdpekan.gov.my)
6. **Permohonan hendaklah disertakan bersama :-**
  - a) Bayaran permit dan deposit yang mencukupi sebanyak **RM 150.00** untuk **1 tapak**
  - b) 2 keping gambar pemohon
  - c) Salinan Kad Pengendali Makanan pemohon yang masih sah (menjual makanan / minuman sahaja)
  - d) Salinan sijil / kad kursus Asas Kebersihan dan Keselamatan Makanan yang diiktiraf (menjual makanan / minuman sahaja) – jika berkaitan
  - e) Salinan kad pengenalan
  - f) Salinan muka hadapan buku akaun/penyata akaun yang menunjukkan no. akaun yang masih aktif.
7. Semua **permohonan yang lengkap** hendaklah dikembalikan kepada Bahagian Pelesenan, Majlis Daerah Pekan **pada @ sebelum 28 April, 2017 (Jumaat)**.

8. **Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diterima.**
9. **Semua pemohon diwajibkan** menghadiri **sesi taklimat** dan undian tapak yang akan diadakan **pada 18 Mei, 2017 ( Khamis ) jam 10.00 pagi di Dewan Shahbandar, Chini**
10. **Ketidakhadiran pemohon** ke sesi taklimat dan cabutan undian tapak yang akan diadakan boleh menyebabkan bayaran deposit ditolak sebanyak **RM 10.00.**
11. Semua keputusan pihak Majlis Daerah Pekan adalah muktamad.
12. Kegagalan peniaga / pembantu melanggar mana – mana syarat / arahan daripada pihak Majlis Daerah Pekan, tindakan penguatkuasaan boleh diambil termasuk membatalkan kelulusan permit yang telah diluluskan.

**NURUL AZMA BINTI MUHAMMAD**

Pegawai Kesihatan Persekitaran,  
b.p. Yang Di Pertua,  
Majlis Daerah Pekan.

No. Siri : \_\_\_\_\_



**MAJLIS DAERAH PEKAN**  
**JALAN MAHKOTA**  
**26600 PEKAN**

Gambar Pemohon

**BORANG PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA**  
**SEMPENA MUSIM PERAYAAN**

**BAHAGIAN PELESENAN**

A. Lokasi tapak dipohon :  Bandar Pekan  Peramu  Lain – Lain (Bandar Chini)

Nota : HANYA SATU LOKASI SAHAJA DIBENARKAN BAGI SATU PERMOHONAN (Sila Tanda \_/)

B. Luas Tapak :  10' x 10'  10' x 20'  20' x 20'  Lain – Lain (nyatakan)

Nota : HANYA SATU KELUASAN TAPAK SAHAJA DIBENARKAN BAGI SATU PERMOHONAN (Sila Tanda \_/)

**1. MAKLUMAT DIRI**

- i) Nama : \_\_\_\_\_ (Huruf Besar)
- ii) No. K / P : \_\_\_\_\_
- iii) Warganegara : \_\_\_\_\_ iv) Bangsa : \_\_\_\_\_
- v) Alamat Surat Menyurat : \_\_\_\_\_
- vi) Poskod : \_\_\_\_\_ vii) No. Telefon : \_\_\_\_\_

**2. KATEGORI JENIS JUALAN**

- A)  Makanan / Minuman
- i)  \*Kuih-muih / Lauk-pauk / Minuman Proses / Lain-lain (nyatakan) (tiada dapur) \_\_\_\_\_
- ii)  \*Masakan Panas / Murtabak / Ayam Goreng
- iii)  \*Ikan Bakar / Ayam Percik / Satay (masakan yang berasap)
- iv)  \*Air Tebu / Kelapa (ada mesin tebu / buah kelapa)
- B)  Pakaian C)  Kasut D)  Sayur
- E)  Buah-buahan F)  Pelbagai G)  Ikan / Ayam / Daging
- F)  Lain – Lain (nyatakan) \_\_\_\_\_

Nota : HANYA SATU KATEGORI JENIS JUALAN SAHAJA DIBENARKAN BAGI SETIAP PERMOHONAN (Sila tanda \_/)  
\* POTONG YANG MANA TIDAK BERKENAAN

**3. PENGAKUAN**

- i) Saya mengaku bahawa butir-butir dalam borang ini adalah benar dan saya bertanggungjawab di atasnya
- ii) Saya bersetuju bahawa pihak MDP berhak menarik balik tawaran ini, jika sekiranya didapati butir-butir yang diberikan dalam borang ini tidak benar walaupun surat tawaran telah ditandatangani.

Tarikh : \_\_\_\_\_ (Tandatangan Pemohon)

**KEGUNAAN PEJABAT**

- i. Kadar bayaran Permit Sementara : RM \_\_\_\_\_
- ii. Wang Pertaruhan : RM \_\_\_\_\_
- iii. Lain – Lain Bayaran : RM \_\_\_\_\_

Tarikh \_\_\_\_\_ Tandatangan \_\_\_\_\_



**SYARAT – SYARAT PERMIT**

1. Setiap penjaja / peniaga mesti mempunyai permit perniagaan yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Pekan.
2. Pelesen hendaklah **mempamerkan lesennya pada setiap masa** di suatu tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan dan hendaklah menunjukkan lesen itu apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pihak Malis Daerah Pekan.
3. Hanya menjual makanan / barang - barang sepertimana yang dicatatkan pada permit sahaja.
4. Pelesen hendaklah menjalankan perniagaan sendiri dan tidak dibenarkan membuat pindahmilik lesen kepada kepada orang lain tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Majlis Daerah Pekan terlebih dahulu.
5. Tempoh masa berniaga **adalah dari jam 3:00 petang bagi pelesen makanan dan minuman sahaja**. Manakala bagi perniagaan lain dibenarkan mula berniaga mulai jam 10:00 pagi sehingga masuk waktu berbuka.
6. Semua jenis jualan hendaklah diletakkan tanda harga dan dipamerkan ditempat yang mudah dilihat oleh pengunjung gerai.
7. Semua pengendali makanan hendaklah sentiasa berpakaian bersih dan kemas serta menjaga kebersihan peralatan perniagaan di premis masing – masing semasa dan selepas perniagaan.
8. Semua pengendali makanan hendaklah sentiasa memakai kasut, apron dan penutup kepala yang bersih semasa mengendalikan makanan.
9. Semua pengendali makanan diwajibkan membuat pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan suntikan Typhoid sebelum dibenarkan berniaga.
10. Kad pengendali makanan hendaklah dipakai sepanjang masa semasa menjalankan perniagaan.
11. Pelesen hendaklah menjaga kebersihan gerai dan persekitarannya sepanjang masa.
12. Memastikan semua sampah sarap diisi ke dalam karung plastik dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan oleh pihak majlis.
13. Setiap gerai hendaklah menyediakan tong sampah yang berpenutup dan lengkap dengan plastik sampah bagi tujuan pembuangan sampah.

14. Memastikan makanan yang dipamerkan sentiasa ditutup dan tidak terdedah.
15. Tidak dibenarkan meletakkan barang niaga atau benda yang berkaitan dengan perniagaan mengunjur keluar melebihi had petak / gerai yang disediakan.
16. Tidak boleh menjalankan perniagaan dengan cara yang boleh menghalang perjalanan lancar lalulintas kenderaan dan pergerakan bebas orang berjalan kaki.
17. Tidak dibenarkan membawa masuk kenderaan ke kawasan tapak perniagaan selepas pukul 4:30 petang.
18. Tidak dibenarkan mendirikan apa – apa peredup, pelindung atau sekatan atau membuat apa – apa perubahan atau tambahan kepada gerai tanpa kebenaran Majlis.
19. Tidak dibenarkan mendirikan gerai sementara selain daripada gerai yang diperuntukkan.
20. **Mengosongkan** tapak perniagaan pada atau selewat – lewatnya **27 Jun, 2017 (Selasa)**
21. Pelesen / peniaga hendaklah mematuhi apa – apa arahan secara bertulis atau lisan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Daerah Pekan.
22. Permit / lesen yang telah dikeluarkan boleh ditarik balik / dibatalkan pada bila – bila masa tanpa sebarang notis.
23. Mana – mana pelesen / peniaga yang melanggar syarat – syarat yang telah ditetapkan, tindakan penguatkuasaan boleh diambil tanpa sebarang notis.
24. Wang pertaruhan / deposit boleh ditolak jika pelesen gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan.